

09 MAY 1996

Razaleigh-Rais

PENGUMUMAN RAZALEIGH SERTAI UMNO MENGEJUTKAN, KATA RAIS

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Timbalan Presiden Semangat 46 (S46) Datuk Rais Yatim berkata pengumuman Perdana Menteri bahawa Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah akan menyertai semula UMNO adalah mengejutkan dan berbeza daripada apa yang dibincangkan antara parti itu dengan UMNO.

Beliau berkata pengumuman itu juga tidak mencerminkan mekanisme kerjasama yang dipersetujui dalam pertemuan Razaleigh dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya terkejut dengan pengumuman Perdana Menteri kerana ia tidak mencerminkan sepenuhnya mekanisme kerjasama antara S46 dan UMNO. Yang dipersetujui itu berbeza daripada apa yang diumumkan," katanya semasa dihubungi Bernama di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata Dr Mahathir sepatutnya mengumumkan susunan kerjasama yang dipersetujui oleh S46 dan UMNO demi kepentingan bangsa Melayu terlebih dahulu manakala soal untuk bersatu dengan UMNO akan disusul kemudian.

Katanya beliau difahamkan bahawa pertemuan Tengku Razaleigh dengan Dr Mahathir baru-baru ini, pertama sekali menekankan mengenai formula dan mekanisme kerjasama yang boleh diadakan antara S46 dan UMNO di samping isu penyatuan semula S46 dalam UMNO.

Rais bagaimanapun percaya bahawa Perdana Menteri akan membuat kenyataan mengenai mekanisme kerjasama S46 dan UMNO sedikit masa lagi.

Katanya beliau difahamkan Dr Mahathir akan membuat satu kenyataan mengenai kerjasama S46 dan UMNO serta perbincangannya dengan Tengku Razaleigh hari ini.

Ketika ditanya mengenai pendiriannya sama ada beliau juga akan menyertai semula UMNO, Rais berkata: "Yang penting sekarang ialah pendirian parti (S46)... sesungguhnya kita hendak dan berminat untuk bekerjasama dengan parti pemerintah demi kepentingan Melayu."

Beliau juga berkata sebarang kerjasama dan keputusan yang diambil boleh dirujuk dan dirunding semula antara kedua-dua parti. -- BERNAMA

HS NMO